



**NOTIS SEBUT HARGA  
PEJABAT DAERAH PORT DICKSON  
( BAHAGIAN PEMBANGUNAN )**

1. Kontraktor-kontraktor **G2** yang berdaftar dengan **Pusat Khidmat Kontraktor** adalah dipelawa untuk memasuki sebut harga berikut:

NO SEBUT HARGA	TAJUK KERJA	GRED / KATEGORI / PENGKUSUSAN	TARIKH TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
74/2022	Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Menurap Semula Jalan Serta Lain Kerja Berkaitan Di Kampung Pengkalan Kempas Port Dickson	Gred : <b>G2</b> Kategori : <b>CE</b> Kod Bidang : <b>CE01 &amp; CE21</b>	<b>21.07.2022</b> (Khamis)  9.00 pagi  <b>Auditorium, Pejabat Daerah Port Dickson</b>	<b>28.07.2022</b> (Khamis)  12.00 tghari  <b>Tingkat 1, Unit Pembangunan, Pejabat Daerah Port Dickson</b>
75/2022	Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Menurap Semula Jalan Serta Lain Kerja Berkaitan Di Lorong Sawah 3/1 Kampung Sawah Sunggala Port Dickson			
76/2022	Kerja-Kerja Baikpulih Jalan Di Kampung Sri Parit Cina Lukut Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan			
77/2022	Kerja-Kerja Pembaikan Longkang Konkrit Serta Lain Kerja Berkaitan Di Kampung Tanah Merah Site C Port Dickson			
78/2022	Kerja-Kerja Menyelenggara Dan Menurap Jalan Serta Pemasangan Gabion Serta Lain Kerja Berkaitan Di Kampung India Chuah, Port Dickson			

2. Kontraktor yang ingin menyertai sebut harga hendaklah berkumpul di **Auditorium, Pejabat Daerah Port Dickson** pada tarikh **21.07.2022 jam 9.00 pagi** untuk mendengar taklimat berkaitan kerja-kerja yang ditawarkan. Wakil adalah **tidak dibenarkan**. Sila bawa bersama Sijil Pengesahan Pendaftaran sebagai Kontraktor daripada **PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR (PKK)-Taraf Bumiputera, CIDB (Perakuan Pendaftaran), CIDB - SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK), Kad Pengenalan dan Cop Syarikat**. Hanya kontraktor yang mempunyai kod bidang seperti dalam jadual sahaja dibenarkan masuk untuk mendengar taklimat.

3. Dokumen sebut harga yang berharga **RM50.00** senaskah boleh didapati dari tarikh **21.07.2022 (Khamis)** sehingga **28.07.2022 (Khamis)** di Tingkat 1, Unit Pembangunan, Pejabat Daerah Port Dickson yang beroperasi pada ketetapan seperti berikut :

TARIKH	HARI	MASA
<b>21 - 28 JULAI 2022</b>	Isnin - Khamis	9.00 pagi – 12.00 tengahari 2.30 petang – 4.00 petang
	Jumaat	9.00 pagi – 11.00 pagi 3.00 petang – 4.00 petang
<b>WAKTU KAUNTER JUALAN SEBUT HARGA DITUTUP PADA :</b> Sabtu, Ahad dan Hari Kelepasan Am Negeri Sembilan		

4. Kontraktor-kontraktor juga dikehendaki berdaftar dengan **LEMBAGA PEMBANGUNAN DAN PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB)** dan sijil pendaftaran yang berkuatkuasa sekurang-kurangnya **tiga (3) bulan dari tarikh tutup tawaran sebut harga**.


5. Dokumen sebut harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga di Tingkat 1, Unit Pembangunan PTPD sebelum jam **12.00 tengahari pada 28.07.2022 (Khamis)**.

6. Kontraktor yang sah hendaklah sentiasa mengambil tindakan dan mematuhi langkah-langkah pencegahan COVID-19 dan penjarakkan sosial oleh KKM dan MKN untuk proses pengambilan dan penyerahan dokumen sebut harga secara manual ke Pentadbiran ini.

7. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebut harga yang paling rendah atau mana-mana sebut harga.

8. Kerajaan Negeri berhak membatalkan tawaran sebut harga ini sekiranya diperlukan tanpa memberi apa-apa alasan. Sebarang kos terpaksa ditanggung oleh pihak kontraktor kerana urusan sebut harga ini adalah menjadi tanggungjawab kontraktor sendiri.

9. Kerajaan Negeri berhak untuk **membatalkan** tawaran sebut harga ini sekiranya pihak kontraktor terlibat dalam membuat pakatan harga dengan kontraktor-kontraktor lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses sebut harga sehingga dokumen kontrak ditandatangani.



.....  
( **KHAIRY BIN MAAMOR** )  
PEGAWAI DAERAH  
PORT DICKSON

TARIKH : 13 JULAI 2022